

**Media Monitoring**

Publication: **Berita Harian - Nasional**

Circulation/Audience: **231,163**

Date: **22 November 2007**

Reference: **Monsoon Cup**

Headline: **Terengganu janji Monsoon Cup 2007 lebih baik**

## Terengganu janji Monsoon Cup 2007 lebih baik

**K**UALA TERENGGANU: Terengganu kini lebih bersedia menganjurkan kejohanan kapal layar berprestij, Monsoon Cup 2007 yang memasuki tahun ketiga di Kelab Teluk Warisan (HBC), Pulau Duyong, di sini, akhir bulan ini.

Ia kerana kemudahan infrastruktur asas terutama resort dan marina di HBC untuk penganjuran siri pertandingan perahu layar antarabangsa, World Match Racing Tour itu dianggap lebih baik daripada sebelumnya.

Menteri Besar, Datuk Seri Idris Jusoh, berkata lawatan ke Valencia menyaksikan pertandingan perahu layar America's Cup sebelum ini juga menjadi pengalaman berharga untuk menganjurkan kejohanan itu.

Beliau berkata, pertandingan America's Cup memberikan pendedahan dan selok belok kepada penganjur untuk meningkatkan kualiti kejohanan Monsoon Cup.

"Jika pada tahun sebelumnya hanya khemah digunakan dan laluan becak ke lokasi pertandingan, tahun ini segala kemudahan siap tersedia menunggu peserta Monsoon Cup," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Exco di Wisma Darul Iman, di sini, semalam.

Idris yakin penduduk tempatan semakin mengenali kejohanan itu yang membuka peluang perniagaan lebih luas untuk mereka.

Katanya, tempahan hotel dan resort sepanjang kejohanan berlangsung semakin rancak.

Katanya, peniaga kedai makan dan produk kraf juga mempunyai peluang lebih luas untuk melancarkan perniagaan masing-masing.

"Menerusi Yayasan Pembangunan Usahawan Terengganu, peningkatan kaedah pembungkusan dan penjenamaan diberikan perhatian serius bagi meningkatkan imej produk.

"Pelbagai acara disediakan sepanjang kejohanan berlangsung bukan hanya untuk tontonan orang luar bahkan untuk penduduk tempatan agar mereka berasakan diri mereka sebahagian daripada kejohanan itu," katanya.